

NO SOALAN :18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 21.11.2017**

**Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan jumlah kos keseluruhan terperinci yang dibayar untuk rombongan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat untuk bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat dan sama ada kos-kos tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan lawatan rasmi di Washington DC, Amerika Syarikat yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 9 hingga 16 September 2017 adalah berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237) Kemudahan Elaun dan

Keistimewaan bagi YAB Perdana Menteri.

Perbelanjaan tersebut adalah meliputi perbelanjaan penerbangan, penginapan, pengangkutan, elaun makan, dobi, telefon dan lain-lain.

Perbelanjaan YAB PM dan ahli rombongan adalah mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.